

Headline **Sujud bantu urus jenazah HIV.Aids**
 Date **29. Apr 2009** Language **MALAY**
 Media Title **Sinar Harian (Pahang)** Page No **16**
 Section **NEWS** Article Size **266** cm2
 Circulation **60000** Frequency **Daily**
 Readership **0** Color **Full Color**
 AdValue **1465.69**



Sujud bantu urus jenazah HIV, Aids

BANDAR JERANTUT – Skuad Urus Jenazah Ummah Daerah Jerantut (Sujud) dilancarkan di negeri ini sebagai usaha memberi kemudahan pengurusan jenazah kepada penduduk, khasnya yang meninggal akibat HIV dan Aids.

Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Pahang, Ismail Ahmad Khairi berkata, penubuhan skuad itu yang pertama dari enam Pusat Serenti di negeri ini.

Menurutnya, penubuhan itu juga sebagai titik mula kepada penghuni membuktikan kemampuan mereka melakukan suatu perkara yang tidak semua orang boleh buat.

"Pada tahun lalu, enam kes kematian dicatatkan di

Pusat Serenti Jerantut dengan keseluruhan pengurusan jenazah dilakukan sepenuhnya oleh Pusat.

"Semua urusan itu di kendalikan penghuni yang pernah menjalani Kursus Pengurusan Jenazah di sini kerana ada keluarga tidak mahu menerima atau mengurus ahli keluarga mereka

yang meninggal," katanya ketika berucap merasmikan pelancaran Skuad Urus Jenazah

Ummah Daerah dan majlis penutupan Kursus Pengurusan Jenazah Peringkat Pusat Serenti Jerantut, di sini kelmarin.

Turut hadir, Komandan Pusat Serenti Jerantut, Rosland Hussien, Komandan Pusat Serenti Sungai Ruan, Mohd Rizal Tawil dan Ketua

Pegawai AADK Daerah Jerantut, Wan Ismail Wan Harun.

Ismail berkata, stigma masyarakat terhadap kematian akibat HIV dan Aids amat menebal sehinggakan terdapat kes pengurusan jenazah lambat dilakukan apabila keluarga enggan melakukannya.

Beliau berkata, penubuhan Sujud diharap dapat memberikan perkhidmatan terbaik, khasnya dalam menguruskan jenazah yang penghidap HIV dan Aids dan sebagai alternatif kepada masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan, selain bergantung pada pihak hospital.

Menurutnya, penubuhan Sujud akan membantu penduduk setempat menguruskan jenazah HIV dan Aids

dengan kadar minimum dikenakan, termasuk juga kepada masyarakat sekitar Jerantut, Jengka dan Temerloh.

"Fokus utama selain perkhidmatan ialah supaya penghuni dapat melakukan amal jariah kepada masyarakat dengan memanfaatkan

kan fardu kifayah yang dipelajari dan mengurangkan rasa kekok apabila berhadapan dengan masyarakat nanti," katanya.

pusat serenti



● Ismail (dua kanan) merasmikan pelancaran Sujud dan majlis penutupan Kursus Pengurusan Jenazah, kelmarin.